

16 pertubuhan kebajikan terima sumbangan daripada MagnumCares

KUCHING: Sejumlah 16 pertubuhan kebajikan menerima sumbangan di bawah program Outreach Rumah Kebajikan oleh MagnumCares semalam.

Pertubuhan kebajikan itu menerima sumbangan pada majlis yang diadakan di sebuah restoran tempatan di sini dan ia disampaikan oleh Timbalan Premier Sarawak Dato Sri Dr Sim Kui Hian.

“Adalah penting bagi kita mendapatkan segala jenis bantuan untuk rumah-rumah kebajikan di Sarawak kerana saya percaya masih ramai yang memerlukan bantuan daripada pertubuhan amal.

“Oleh itu, saya berharap MagnumCares akan terus melakukan program amal terutama dalam membantu rumah-rumah kebajikan untuk beberapa tahun akan datang,” ujar Dr Sim pada majlis itu.

Setiap organisasi menghantar wakil masing-masing untuk menerima sumbangan pada majlis tersebut. Hadir sama pegawai daripada MagnumCares.

Enam belas pertubuhan kebajikan yang menerima sumbangan daripada MagnumCares adalah Che Hia Khor Moral Uplifting Society Sarawak, Persatuan Autistik Kuching, Kuching Life Care Society, Persatuan Anti-Kanser Kuching Teck Choon, Persatuan Kesihatan Mental Sarawak, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia, Perkata Sarawak, Hope Place, Pertubuhan Kebajikan dan Pendidikan Pelajar Miskin Sarawak, Che Hoe Khor Moral Uplifting Society Siburan, Che Hui Khor Moral Uplifting Society Bahagian Kuching dan Samarahan, Pertubuhan Penderma Darah Sarawak, Persatuan Ibu Bapa Kanak-Kanak Berkeperluan Khas Sarawak, Majlis Kebajikan Sosial Sarawak, Persatuan Kanak-Kanak Sakit Kritikal (SOS) dan Wishesland.

Pengurus Magnum Wilayah Sarawak Liew Kee Chuan berkata setakat ini, program anjuran badan amal Magnum iaitu MagnumCares telah dilaksanakan oleh pihaknya selama hampir empat dekad.

“Dalam meraikan sambutan Tahun Baharu Cina (TBC) akan datang, program Outreach Rumah Kebajikan ini bertujuan membawa



SUMBANGAN: Dr Sim (baris depan, empat kiri) dan Liew (baris depan, tiga kiri) bersama wakil 16 pertubuhan amal yang menerima sumbangan daripada MagnumCares pada majlis itu semalam.



KEBAJIKAN: Dr Sim (tengah) menyampaikan cek kepada salah seorang wakil 16 pertubuhan amal yang menerima sumbangan daripada MagnumCares pada majlis itu semalam. Turut kelihatan Liew (kiri).

perayaan yang penuh kegemabiraan.

“Sebahagian daripada aktiviti di bawah program ini termasuk Program Pengedaran Angpau, Pembentangan Cek CNY manakala salah satu aktiviti utama ialah Home Enhancement Programme (HEP),” kata Liew.

Dalam perkembangan berkaitan Liew mendedahkan bahawa bagi program meraikan ulang tahun ke-39 tahun ini, MagnumCares menasaskan untuk memberi manfaat kepada lebih 25,000 warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan anak yatim di seluruh negara.

Menurut Liew, mulai 7 Januari tahun ini, pasukan MagnumCares bersedia untuk menyebarkan kebaikan dan positifiti untuk membantu lebih 220 rumah kebajikan dan sekolah.

Semua itu ujanya, akan melibatkan sumbangan perayaan bernilai RM730,000 seperti cek derma, angpau, barangan keperluan rumah dan barangan perayaan Tahun Baharu Cina.

“Di negeri ini kerana terdapat 34 buah rumah dan sekolah terpilih dengan

lebih 3,000 rumah sama ada warga emas, OKU atau anak yatim yang akan menerima dan mendapat manfaat daripada Program MagnumCares CNY.

“Sejumlah RM81,180 telah diberikan kepada penerima masing-masing pada tahun ini,” kata Liew.

Selain daripada aktiviti tersebut, Liew juga mendedahkan bahawa MagnumCares akan melawat rumah kebajikan yang kurang bernasib baik bagi membantu melaksanakan aktiviti 3R mereka iaitu Membaiki, Memperbaiki dan Mengganti (Repairing, Refurnishing and Replacing).

Aktiviti 3R akan merangkumi pemasangan lampu LED dan pendawaian mesra alam, menggantikan perabot lama kepada peralatan baharu (termasuk kipas siling, kerusi, dan sebagainya) serta membeli bahan pembelajaran seperti pensel warna, kertas A4 dan lain-lain.

“Kehebatan sesebuah komuniti diukur melalui tindakan belas ihsan ahlinya. Kami komited untuk memperkasakan komuniti melalui program tahunan

kami, sambil membawa slogan MagnumCares For You, With You.

“Kami ingin menyebarkan kebaikan dan harapan kepada masyarakat terutama pada musim perayaan ini.

“Justeru, selain sumbangan seperti angpau dan barangan keperluan rumah, MagnumCares juga mempunyai HEP.

“HEP menyediakan perkhidmatan untuk membaiki, memperbaharui dan menggantikan barangan keperluan yang rosak bagi memastikan penduduk berada dalam persekitaran selesa, selamat dan mampan sepanjang tahun,” kata Liew.

MagnumCares memulakan program tahunan Rumah Kebajikan Outreach pada 1985 dengan objektif untuk membantu pelbagai rumah kebajikan organisasi semasa Tahun Baharu Lunar dan banyak lagi perayaan lain.

Magnum komited dalam memperjuangkan komuniti melalui pelbagai CSR menerusi tiga tonggak utama mereka iaitu Filantropi, Kelestarian dan Alam Sekitar dan Pembangunan Komuniti.